

BIL.	TARIKH	ANUGERAH/ PENCAPAIAN	BUTIRAN
1.	Mei 2025	10th Sabah FCAS International Dragon Boat Race 2025	Dato' Sri Dr. Haji Sabin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, telah menghadiri acara kemuncak The 10th Sabah FCAS International Dragon Boat Race 2025 yang berlangsung meriah di Teluk Likas, Kota Kinabalu pada pagi ini. Acara yang bermula seawal jam 6.00 pagi ini memperlihatkan penyertaan pasukan tempatan dan antarabangsa dalam pelbagai kategori perlumbaan, termasuk acara Men's Open, Mix Team, Women's Team, Master's Open dan Kinabalu Junior Trophy, selain perlumbaan istimewa bagi merebut trofi-trofi seperti Sabah Head of State Trophy dan Sabah Chief Minister's Trophy. Program ini bukan sahaja mencerminkan semangat perpaduan dalam kalangan komuniti pelbagai bangsa dan negara, malah menjadi salah satu usaha mempromosikan pelancongan sukan (sports tourism) di Kota Kinabalu. Pencapaian : 1. Kinabalu Mix Trophy (Mix Team Open 200m) – Johan 2. Sabah FCAS Dragon Trophy (800m) – Johan



